

Tindakan cemar pilihan raya kampus

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

Proses pengundian pilihan raya kampus (PRK) di 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berakhir semalam dengan pelbagai peristiwa dan kejadian tidak diingini berlaku bermula sejak hari penamaan calon.

Bermula dengan kekecohan pada hari penamaan calon di Universiti Malaya (UM) apabila berlaku bantahan kumpulan Pro-Mahasiswa (Pro-M) terhadap calon 'tua' Penggerak Mahasiswa (Pro-A), kejadian diburukkan lagi dengan insiden serang ke atas Pengerusi Pro-M UM, Edikoup Lakip Sedyanto.

Edikoup mendakwa disepak, diterajang dan dipukul sekumpulan individu di Seksyen 17, Petaling Jaya, awal pagi menyebabkan beliau mengalami kesakitan dan lebam di muka serta badan.

Mengulas mengenai senario itu, Kaunselor dan Perunding Bertauliah, Universiti Putra Malaysia

(UPM), Siti Fatimah berkata, sikap negatif calon dan penyokong PRK dikaitkan dengan faktor dalaman diri mahasiswa itu yang meletakkan keinginan dan emosi melampau mengatai unsur rasionalisme.

Katanya, mahasiswa

dikategorikan dalam kelompok awal dewasa dan mereka masih mencari identiti diri sebenar dan jika jati diri mereka terarah kepada sesuatu yang bersifat negatif, tidak mustahil mereka akan bertindak sesuatu di luar batasan.



Pelajar UPM membuat semakan nama sebelum mengundi.



Pelajar UPM mengundi secara e-voting.

"Mahasiswa sepatutnya faham dan sedar terhadap limitasi yang ditetapkan ke atas mereka sepanjang proses PRK. Bagaimana mereka ingin menjadi pemimpin jika jati diri seorang pemimpin tidak ditonjolkan dalam diri masing-masing.

"Saya juga tidak nafikan kemungkinan wujud tarikan dan pengaruh persekitaran luar termasuk senario perkembangan politik semasa yang mempengaruhi sikap dan tindakan calon serta penyokong kerana mereka inginkan suara baru mahasiswa yang

berpihak kepada mereka," katanya.

Selain kejadian berkenaan, paling mengejutkan apabila enam daripada 28 calon Pro-M Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula mendakwa menerima ugutan, termasuk diugut bunuh. Calon terbabit menerima ugutan untuk tidak meneruskan niat bertanding atau mereka akan diculik dan dibunuh.

Suasana 'panas' pula menyelubungi hari pengundian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) apabila keputusan

PRK universiti itu dibatalkan berikutan masalah teknikal sistem dalam talian atau e-voting dan tarikh baru PRK akan diputuskan senat universiti yang dijangka bermesyuarat dalam tempoh terdekat.

Senario label-melabel Pro-A dan Pro-M juga dilihat masih lagi menebal dalam kalangan calon yang bertanding sekali gus membuktikan unsur berpuak tetap terus menular dalam kampus. Malah berdasarkan kempen serta kelompok mahasiswa yang menyokong calon mereka, ramai yang sudah dapat meneka ke arah mana perjuangan hendak dibawa.

Sementara itu, penganalisis politik yang juga Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr P Sivamurugan, berkata kemunculan calon daripada pelbagai bidang pengajian menyaksikan ada keterampilan sama ada Pro-A atau Pro-M.

"Kini wujud budaya pengundian yang mahukan pemimpin Pro-A dari kalangan pelajar malah ia dilihat mempunyai persamaan dengan universiti awam yang dikuasai Pro-A iaitu membawa isu yang lumrah dalam konteks pelajar.

"Bagaimanapun, kesinambungan kemenangan Pro-A akan datang kini bergantung kepada barisan kepimpinan sekarang yang menjadi suara mahasiswa khususnya kepada USM," katanya.


Parti Cap Ayam gagal tarik pengundi di USM

Georgetown: Universiti Sains Malaysia (USM) mengikut jejak sama seperti kebanyakan universiti lain apabila kemenangan berpihak kepada calon Pro-Aspirasi dalam Pilihan Raya Kampus (PRK), kelmarin.

Calon Pro-A mencatatkan kemenangan besar dengan memenangi 40 daripada 45 kerusi dipertandingkan berbanding calon Promahasiswa (Pro-M) yang menyokong pembangkang hanya memperoleh empat kerusi, manakala satu kerusi tiada calon bertanding.

Kemunculan sulung Parti Cap Ayam yang dikatakan bakal menjadi pemecah undi Pro-A dan juga Pro-M, gagal menyerlah apabila tidak memperoleh sebarang kerusi.

Dalam proses mengira undi di Pusat Kegiatan Pelajar Cahaya Gemilang



USM yang bermula jam 6.30 petang sehingga 1.30 pagi itu, seramai 7,504 dari 15,925 mahasiswa keluar mengundi dengan hanya mencatatkan peratusan turun undi sebanyak 47.12 peratus.

Undi rosak direkodkan sebanyak 266 dan difahamkan, terdapat beberapa meja

mengira undi terpaksa melakukan kiraan sebanyak 10 kali selepas mendapat bantahan daripada calon yang bertanding hingga menyebabkan ia memakan masa lama untuk selesai.

Keputusan diumumkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) USM, Prof Adnan Hussein, tepat jam 2.30 pagi.

Bagaimanapun, PRK kali ini juga menyaksikan USM tidak mengiktiraf sebarang 'kem' sama seperti Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana mahu memastikan mahasiswa yang bertanding bersikap profesional dan bertindak adil kepada semua pihak.

Jumaat lalu, PRK USM kali ini, menyaksikan 15 calon menang tanpa bertanding selepas proses penamaan calon.

PILIHAN RAYA KAMPUS

Universiti	PRO-A	PRO-M	BEBAS	SERI	JUMLAH KERUSI
UTHM	25	2	-	-	27
UiTM	226	-	-	-	226
UniSZA	24	-	-	-	24
UTeM	28	-	-	-	28
UniMAP	-	-	31	-	31
UM	21	20	-	2	43
UKM	10	18	-	-	28
UPM	40	7	-	-	47
UIAM	UNDI SEMULA				
USM	40	4	-	1	45
UTM	48	6	-	-	54
UNIMAS	-	-	13	-	13
UMS	8	2	-	-	10
UUM	35	-	1	-	36
UMK	10	4	-	-	14
UMT	18	-	2	-	20
UMP	-	-	20	-	20
USIM	-	-	24	-	24
UPSI	25	4	-	-	29
UPNM	-	-	14	-	14